

Pemerhati Komanwel: Kerajaan kemuka laporan

BM - 7 OCT 1990

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengemukakan kepada umum laporan pemerhati Komanwel mengenai perjalanan pilihanraya umum di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kumpulan pemerhati berkenaan akan mengemukakan laporan mereka kepada Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyoaku terlebih dulu.

"Kemudian, Setiausaha Agung Komanwel akan menyerahkan laporan itu kepada kerajaan dan kita akan mengemukakan pula kepada umum," katanya sewaktu menjawab soalan pemberita dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini semalam.

Menurutnya, beliau tidak tahu sama ada parti pembangkang sudah memberi persetujuan kepada Chief Emeka berhubung jempunan pemerhati Komanwel itu.

"Tetapi saya sudah pun memberitahu Setiausaha Agung Komanwel mengenai pembubaran Parlimen dan memintanya bersiap sedia dengan kumpulan pemerhati yang akan dihantar," katanya.

Perdana Menteri berkata, kumpulan pemerhati itu akan diberikan senarai pemilih, calon dan dibenarkan menemui semua parti yang bertanding dalam pilihanraya umum.

Katanya, mereka juga akan diberitahu mengenai hak dan definisi berceramah yang ditetapkan kepada semua parti politik.

Sementara itu, Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, berkata pilihanraya umum kali ini sudah pun bermula dengan kekotoran dan ketidakadilan apabila pemerhati Komanwel masih belum tiba.

"Jelaslah, pemerhati Komanwel tidak mungkin dapat pemerhati perjalanan awal proses pilihanraya umum di negara ini," katanya dalam satu kenyataan.